

UPSI iktiraf kecemerlangan dan jasa pendidik

Tanjong Malim, 25 Mei - Sempena sambutan Hari Guru Peringkat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2024, universiti itu bukan sahaja memberi penghargaan terhadap kakitangan, malah alumnya yang memperlihatkan sumbangan besar kepada dunia pendidikan negara.

Program yang diadakan di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah itu bermula dengan bacaan Ikrar Guru Malaysia yang dipimpin oleh mahasiswa Mohd Syafiq Rasidi, diikuti persembahan koir yang mendendangkan lagu "Kami Guru Malaysia".

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr Md Amin Md Taff, dalam ucapan aluannya, menekankan tema sambutan tahun ini, "Guru Jauhari Digital Aspirasi Negara MADANI" mencerminkan peranan penting guru dalam era digital sebagai pemangkin kepada pembentukan masyarakat MADANI yang berilmu, beretika dan berdaya saing.

"Guru bukan sahaja sebagai pendidik, tetapi juga sebagai

jauhari yang menggilap bakat dan potensi pelajar, membentuk mereka menjadi warganegara yang berintegriti dan produktif.

Beliau turut menekankan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam era digital dan golongan pendidik diharap menguasai ilmu pengetahuan dan mahir dalam teknologi maklumat dan komunikasi.

"Ini adalah penting untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien, serta menarik minat dan memenuhi keperluan pelajar yang kian berubah", katanya.

Sementara itu, Pro Canselor UPSI, Tan Sri Datuk Alimuddin Mohd Dom dalam ucapan perasmian menegaskan guru harus menjadi pemimpin dalam penggunaan teknologi digital untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang interaktif dan inovatif.

"Melalui pelbagai inisiatif dan program yang dijalankan, UPSI berusaha untuk memastikan setiap guru yang dilahirkan memiliki keupayaan untuk membawa perubahan positif dalam masyarakat," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Lebih 300 Peserta Basikal Lipat Menelusuri Sejarah UPSI

Tanjong Malim, 2 Jun

- Populariti berbasikal, terutamanya pada basikal boleh lipat, telah mengalami lonjakan besar dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Sifat basikal lipat yang kecil dan praktikal telah membawa kepada populariti mereka yang semakin meningkat dan menjadi trend di lapisan masyarakat.

Dengan anjuran dari Majlis Anak Johor (M@JOR) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Loco Cyclist International dan Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM), lebih

300 orang peserta telah menyertai aktiviti berbasikal dalam program Fun Ride @ UPSI Muallim Bike Camp 2.0 Sempena Tahun Melawat Perak yang bertempat di Tapak Food Truck, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS), UPSI. Program ini bermula dari jam 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi dan bertujuan menjadi medium untuk mempromosikan salah satu daerah yang terdapat di Perak kepada peserta yang khususnya dari Singapura dengan aktiviti berbasikal.

Menurut Encik Mohd Ikram bin Ahmad yang merupakan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, "UPSI merupakan sebuah tempat bersejarah, selari dengan tujuan program, sempena tahun melawat Perak, saya harap peserta-peserta Muallim Bike ini dapat menikmati keindahan binaan binaan yang telah berusia lebih 100 tahun. Tempat ini menjadi saksi banyak graduan yang telah berjaya dan menyumbang bakti pada negara"

UPSI Rangkul 5 Anugerah Bakat MAPUM 2023

Bangsar, 1 Jun- Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM) merupakan sebuah badan yang ditubuhkan melalui Mesyuarat Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor IPTA ke-123 pada 17 Julai 1993, bertanggungjawab memperkasakan peranan Hal Ehwal Pelajar, Penginapan, dan Perkhidmatan Pelajar selari dengan perkembangan dan

cabaran masa kini dalam pendidikan tinggi di samping mendukung aspirasi hal ehwal pelajar selaras dengan misi dan visi universiti.

Majlis Anugerah Bakat MAPUM (MABMA) adalah sebuah program yang diadakan bagi menghargai jasa dan khidmat bakti mahasiswa serta kakitangan yang telah bertungkus lumus menjayakan program

serta pentadbiran kolej kediaman di universiti awam seluruh negara. Penganjuran MABMA 2023 yang berlangsung pada 29 Mei 2024 di Universiti Malaya merupakan penganjuran kali ke-2 dan telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Encik Hisman Awang @ Semail.



Pentas Muda Profesional Madani Medium Pembentukan Keyakinan dan Keterampilan Diri Pelajar

Tanjong Malim, 1 Jun

- Exco Blok Kediaman 3 Kolej Harun Aminurrashid (KHAR), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan program Pentas Muda Profesional Madani yang bertempat di Bilik Seminar Pusat Pelajar, UPSI Kampus Sultan Azlan Shah. Program yang dijayakan pada 1 Jun merupakan hasil kolaborasi bersama Kelab Sahabat Alumni Mahasiswa UPSI (SAM).

Program ini berkonsepkan pengucapan awam bebas yang terbuka kepada pelajar

sekolah menengah serta mahasiswa UPSI. Program yang dihiasi dengan input kuasai kemahiran melontarkan buah bicara di khalayak ramai ini telah bermula seawal jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 1.00 petang. Slogan yang berbunyi "serlahkan bakat, selangkah hebat" amat bertepatan dengan pelaksanaan program yang memerlukan peserta untuk menonjolkan kebolehan diri mereka dalam pertuturan.

Program ini bertujuan untuk membentuk

keyakinan dan keterampilan diri berucap di khalayak ramai bermula dari bangku sekolah. Dalam masa yang sama, banyak bakat muda yang dapat dicungkil dan digilap sejak awal agar mampu dimanfaatkan sebagai bakal pewaris tampuk kepimpinan negara pada masa hadapan. Berani bukanlah sesuatu yang lahir secara semula jadi tetapi perlu diasah dan dicipta sejak kecil lagi kerana penghasilannya mengambil tempoh masa yang agak lama.



Tanjong Malim

UPSI raikan kepelbagaian dalam kebersamaan

